

# HORAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Horamine Tablet
2. Bagaimana Horamine Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Horamine Tablet
4. Cara menggunakan Horamine Tablet
5. Semasa menggunakan Horamine Tablet
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Horamine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Horamine

Horamine digunakan untuk merawat gejala rinitis (radang membran mukus di dalam hidung) alergi atau vasomotor (bukan alergi), demam alergi, urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul), edema angioneurotik (bengkak dalam kulit) dan masalah kulit gatal yang lain termasuk gatal pada anus, vulva, ruam dan dermatitis sentuh (iritasi kulit akibat terdedah kepada bahan tertentu) dan gigitan serangga.

## Bagaimana Horamine berfungsi

Ubat ini tergolong dalam kumpulan yang dikenali sebagai antihistamina, yang bertindak untuk melegakan gejala-gejala alahan. Ia berfungsi dengan bersaing dengan histamina untuk tapak *H1-reseptor*, dengan itu mencegah tindakan histamina pada sel. Horamine juga mempunyai tindakan antimuskarinik yang memberikan kesan pengeringan dan membantu untuk melegakan hidung berair.

## Sebelum mengambil Horamine

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada antihistamina atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- anda mengambil *monoamine oxidase inhibitor* yang telah ditetapkan untuk kemurungan
- anda mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi antihistamina, termasuk produk untuk melegakan selsema dan batuk.

Tidak disyorkan pada kanak-kanak di bawah 6 tahun.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- anda alah kepada antihistamina
- anda sedang menyusukan anak
- anak anda berumur di bawah 6 tahun

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Horamine boleh menjelaskan atau dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain yang anda ambil. Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Antaranya adalah:

- Lain-lain antihistamina, termasuk yang digunakan dalam ubat batuk dan selesma, yang membuat anda mengantuk.
- Ubat tidur, ubat-ubatan untuk keresahan, antidepresan atau *Atropine*

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

## Cara menggunakan Horamine

### Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan pegawai farmasi anda dengan berhati-hati. Arahuan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, bertanya

kepada doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat.

### *Dewasa*

Oral, 1 tablet setiap 4 hingga 6 jam seperti yang diperlukan, tidak boleh melebihi 6 tablet setiap hari.

### *Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun*

Oral, setengah tablet 3 hingga 4 kali sehari seperti yang diperlukan, tidak boleh melebihi 3 tablet sehari.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda sepetimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini selagi ia diberikan kepada anda oleh doktor anda

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Jika anda mengambil terlalu banyak, ubat ini boleh menyebabkan anda mengantuk, staggering gait (cara berjalan tanpa koordinasi dan tidak

# HORAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4 mg)

teratur), halusinasi, sawan, kesukaran bernafas, sesak dada, tekanan darah rendah (anda mungkin merasa lemah) perubahan dalam ritma denyutan jantung dan koma.

## Semasa menggunakan Horamine

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda secepat mungkin jika:

- anda mengalami reaksi alahan/apa-apa kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini.
- anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Horamine.

Ambil ubat anda pada masa yang sama seperti mana yang telah diberitahu oleh doktor anda.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan

- memberi Horamine kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda
- mengambil Horamine untuk merawat sebarang aduan lain melainkan anda telah diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi
- mengambil lebih daripada dos yang disyorkan oleh doktor anda
- berhenti mengambil ubat kecuali telah diberitahu oleh doktor anda

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera. Horamine boleh menyebabkan rasa mengantuk. Elakkan daripada mengambil alkohol atau ubat-ubatan lain yang boleh menyekat aktiviti otak anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperi semua ubat-ubatan lain, Horamine boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan boleh menjadi serius.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-sesan sampingan seperti yang berikut selepas mengambil ubat ini.

- Mengantuk
- Kekeringan mulut, hidung dan tekak.
- Gangguan gastrousus

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers→Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Horamine

### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah 25°C. Jauhi daripada kelembapan dan cahaya.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Bulat, tablet bersalut kuning, cembung cetek dengan cetakan "HD", dan *break-bar* timbul di permukaan yang sama.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif

Setiap Horamine tablet mengandungi:  
*Chlorpheniramine Maleate 4 mg*

#### - Bahan-bahan Tidak Aktif

*Lactose Monohydrate  
Cornstarch  
Iron Oxide Yellow  
Polyvinylpyrrolidone  
Magnesium Stearate*

### - Nombor MAL

MAL19860093AZ

## Pengilang

HOVID Berhad  
Lot 56442, 7<sup>1</sup>/<sub>2</sub> Miles,  
Jalan Ipoh / Chemor,  
31200 Chemor, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

19/10/2015

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)130815/00243